

MAKLUMAT RINGKAS

PENDAFTARAN PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

DI BAWAH AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016

Pendaftaran hanya akan dilaksanakan bagi bidang amalan yang diiktiraf iaitu:

- a) Perubatan Tradisional Melayu
- b) Perubatan Tradisional Cina
- c) Perubatan Tradisional India
- d) Homeopati
- e) Osteopati
- f) Kiropraktik
- g) Pengubatan Islam

Penerimaan permohonan pendaftaran pengamal perubatan tradisional dan komplementari dalam bidang amalan diiktiraf telah bermula pada **15 Mac 2021** mengikut zon.

Pendaftaran pengamal PT&K **tempatan**

Garis panduan mengikut bidang amalan yang diiktiraf dan borang permohonan boleh dimuat turun daripada laman web rasmi Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari.

Pendaftaran pengamal PT&K **warga asing**

Pendaftaran akan dibuka kepada pihak pemohon dari seluruh negara tanpa pembahagian mengikut zon. Pihak pemohon dibenarkan untuk membuat permohonan 5 bulan sebelum tarikh akhir pas pengajian yang terkini.

Permohonan lengkap perlu dihantar melalui **pos** kepada:

Pendaftar, Majlis PT&K Cawangan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia, Blok D, Aras Bawah, Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur.

Pendaftaran pengamal PT&K **tempatan** akan dilakukan secara **berperingkat mengikut zon** dan ketetapan seperti berikut:

No	Zon	Negeri	Tarikh Pelaksanaan
1.	Tengah	WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan	15 Mac 2021 – 14 Jun 2021
2.	Utara	Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak	15 Jun 2021 – 14 September 2021
3.	Selatan	Johor dan Melaka	15 September 2021 – 14 Disember 2021
4.	Timur	Kelantan, Terengganu dan Pahang	15 Disember 2021 – 14 Mac 2022
5.	Sabah & Sarawak	Sabah, Sarawak dan WP Labuan	15 Mac 2022 – 14 Jun 2022

Untuk maklumat lanjut sila rujuk laman web rasmi Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari.
<http://tcm.moh.gov.my>

